

# Kurikulum bersepadu sekolah agama wajar

RH 24/2/2002

Oleh Mohd Azrone Sarabatin

PENGENALAN kurikulum bersepadu di sekolah agama bagi mengelakkan penyelewengan pendidikan keagamaan wajar disegerakan kerana ia dapat membendung pengaruh gerakan pelampau agama di kalangan pelajar.

Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim), Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata usaha awal membendung pengaruh itu adalah langkah terbaik berbanding melakukan

tindakan selepas ia sudah bertapak.

Beliau berkata, sekiranya gerakan berkenaan sudah bertapak dan berkembang ke seluruh negara, ia amat sukar dibendung kerana pengikutnya semakin bertambah dan lebih cepat berkembang.

Sambil menyesali tindakan pihak tertentu yang menyalahgunakan agama dan mempengaruhi 'anak kecil' bagi mencapai matlamatnya, katanya, perbuatan tidak berakhlak itu boleh menghancurkan negara.

"Tindakan kerajaan mem-

perkenalkan kurikulum bersepadu untuk sekolah agama di seluruh negara amat tepat kerana ia dapat menyelamatkan akidah umat Islam daripada pengaruh anasir bertentangan dengan ajaran Islam.

"Usaha berkenaan bukan berunsur politik, sebaliknya adalah tindakan bijak bagi melahirkan generasi muda yang berpegang teguh kepada ajaran agama dan tidak bertindak menyelewengkannya.

"Negara akan hancur sekiranya generasi muda terpengaruh dengan anasir bertentangan dengan ajaran

agama kerana mereka akan mempraktikkan ilmu yang dipelajari," katanya.


Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, bahawa kerajaan akan memperkenalkan kurikulum bersepadu untuk sekolah agama di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata, pelaksanaan kurikulum berkenaan akan meliputi sekolah kerajaan dan swasta kerana di sekolah kerajaan juga didapati ada guru agama membawa masuk unsur politik se-

waktu mengajar.

Dr Abdul Shukor menegaskan, sekiranya sistem pendidikan Islam sebenar dijadikan landasan dalam pengajaran, pelajar yang dilahirkan bukan saja dapat berbakti kepada agama tetapi juga anggota masyarakat.

Ini kerana katanya, Islam adalah satu cara hidup dan ia merangkumi semua aspek, termasuk ekonomi. "Seorang pelajar yang terdidik dengan sistem pendidikan berteraskan ekonomi Islam misalnya, boleh merubah kaedah perniagaan tradisi kepada



DR ABDUL SHUKOR

yanya di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Penolong Pensyarah dan Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam pada 1974, Prof Madya (1981) dan Prof (1993).

Sepanjang berkhidmat di UKM, beliau pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah (1980-1981), Dekan Fakulti Pengajian Islam (1985-1987) dan (1992- Mei 1998).

bentuk moden, sekali gus memantapkan sosioekonomi sesebuah keluarga.

"Sebaliknya jika mereka diterapkan dengan ajaran tidak betul, yang jadi mangsa adalah anggota masyarakat. Oleh itu pendidikan menyeleweng daripada agama perlu dibendung," katanya.

Dr Abdul Shukor yang memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Akidah dan Falsafah dari Universiti Al-Azhar, Mesir dilahirkan di Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang.

Beliau memulakan kerja-